

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Perpustakaan Sultanah Bahiyah
Sent: 03 Ogos 2017 13:28
To: UUM - All Staff
Subject: PERPUSTAKAAN RAUDHATUL ILMI DISERAHKAN KEMBALI KEPADA PUSAT ISLAM



3 OGOS 2017 / 10 ZULKAEDAH 1438H (KHAMIS)
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PERPUSTAKAAN RAUDHATUL ILMI DISERAHKAN KEMBALI KEPADA PUSAT ISLAM



Tanggal 1 Ogos 2017 merupakan satu tarikh yang bersejarah buat Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM), apabila secara rasmi menerima penyerahan kembali tadbir urus Perpustakaan Raudhatul Ilmi daripada Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB).

Sehubungan itu, satu Majlis Penyerahan Dokumen Tadbir Urus Perpustakaan Raudhatul Ilmi telah dilangsungkan di Bilik Mesyuarat Pejabat Ketua Pustakawan.

Majlis penyerahan dokumen tersebut disempurnakan oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Encik Salleh Hudin Mustaffa manakala Pusat Islam UUM diwakili oleh Prof. Madya Dr. Haji Ismail Hj. Ishak selaku Pengarah Pusat Islam UUM.

Majlis menandatangani dokumen penyerahan tersebut turut dihadiri oleh beberapa orang pegawai yang mewakili Pusat Islam dan juga PSB.

Ketua Pustakawan, Encik Salleh Hudin Mustaffa dalam ucapannya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam proses menjayakan peralihan tadbir urus Perpustakaan Raudhatul Ilmi. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa Perpustakaan Raudhatul Ilmi pada asalnya memang di bawah seliaan Pusat Islam tetapi diserahkan kepada PSB untuk menguruskannya pada tahun 2008. Sejak dari itu pihak PSB telah menambah koleksi buku-buku di Perpustakaan Raudhatul Ilmi sehingga menjadikannya melebihi 4,401 naskah. Selain itu, semua judul buku di koleksi perpustakaan ini telah dikatalog dan dimasukkan di dalam sistem komputer perpustakaan dan boleh diakses secara atas talian.

“Saya berharap dengan penyerahan kembali tadbir urus Perpustakaan Raudhatul Ilmi kepada Pusat Islam akan dapat memajukan lagi perpustakaan ini pada masa akan datang,” ujarnya lagi.

Sementara itu Prof Madya Dr. Ismail Hj. Ishak selaku Pengarah Pusat Islam berharap agar PSB terus menjalinkan kerjasama bagi pembangunan Perpustakaan Raudhatul Ilmi pada masa akan datang. Dua orang Pembantu Perpustakaan Kanan iaitu Encik Madzlan bin Othman dan Encik Facrol Zikmi bin Amdah yang turut dikembalikan ke Pusat Islam diharapkan dapat membantu memantapkan lagi perkhidmatan Perpustakaan Raudhatul Ilmi, “menurutnya lagi.

HABIS.

=====

DARIPADA:
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3627/3628
FAKS: 04-928 3612/3613
E-MEL: uumlib@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.